

27/05/1999

Pas cenderung politikkan agama

KOTA BHARU, Rabu - Bekas Pengerusi Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah, mendakwa Pas adalah antara golongan yang cenderung mempolitikkan agama atas landasan kepemimpinan ulama bagi melindungi kepentingan dan perjuangan parti.

Menurutnya, beliau tidak melihat pemimpin Pas bergerak sebagai ulama sebenar berdasarkan pengalaman S46 berganding dengan parti itu ketika bergabung bagi membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) tidak lama dulu.

Beliau berkata, tokoh ulama sebenar yang berjuang kerana Allah hanya akan menyuarakan sebarang pandangan secara bebas tanpa menyebelahi mana-mana pihak, termasuk parti politik.

"Saya tak nampak dia (pemimpin Pas) sebagai pemimpin ulama. Dia memang tahu soal agama berbanding pihak lain, tapi dia tu orang politik dan bertindak atas dasar politik, (oleh itu) tidak nampak bertindak sebagai ulama secara total.

"Itulah sebabnya dia berpihak kerana ingin melindungi kepentingan parti dan perjuangan parti. Nampak sangat dia berpihak, bukan bebas menyuarakan pendapat (kerana) kalau bertindak kerana Allah, dia tidak akan berpihak dan yang salah tetap salah.

"Sama ada golongan ini adalah ulama Pas atau sebaliknya, saya tidak tahu tapi jika terkena kepada mereka, mungkin juga.

"Bagi saya, mereka memang cenderung mempolitikkan agama," katanya kepada pemberita ketika ditemui di kediamannya di Palm Manor di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau hanya mengakui serta menerima ulama yang tidak mempunyai agenda politik dan membuat tafsiran berlandaskan al-Quran.

Bagaimanapun, beliau berkata adalah sukar untuk mengenal pasti ulama seperti itu di Malaysia kerana ramai yang menggelarkan diri mereka sebagai ulama tetapi membuat tafsiran berdasarkan agenda politik.

Ditanya sama ada golongan terbabit layak bergelar pemimpin, Tengku Razaleigh berkata, perkara itu terpulang kepada penilaian rakyat kerana kuasa memilih berada di tangan mereka.

(END)